

NO SOALAN :515**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
(KOTA MELAKA)****PERTANYAAN : BERTULIS****Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]** minta **MENTERI
KEWANGAN** menyatakan:-

(a) berapa buah bank komersial, syarikat insurans dijamin oleh PIDM dan bagaimanakah PIDM mendapat dana untuk jadi penjamin kepada

syarikat- syarikat ini ; dan

(b) berapa jumlah wang pampasan telah dikeluarkan sejak penubuhan PIDM dan bagaimanakah kedudukan kewangan PIDM .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) mempunyai 86 institusi ahli yang terdiri daripada 43

bank ahli dan 43 ahli penginsurans, seperti berikut :

- 27 adalah bank-bank perdagangan, dan ianya termasuk subsidiari bank-bank asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia, yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;
- 16 adalah bank-bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- 32 adalah syarikat-syarikat insurans, termasuk subsidiari syarikat-syarikat insurans asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia, yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan insurans hayat atau insurans am di Malaysia; dan
- 11 adalah pengendali-pengendali takaful berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga atau takaful am di Malaysia.

PIDM memperoleh dana daripada premium tahunan dan levi yang diterima daripada institusi-institusi ahlinya. PIDM melabur dananya dalam instrumen yang selamat dan mudah tunai seperti sekuriti dalam denominasi Ringgit Malaysia (RM) yang dikeluarkan atau dijamin oleh Kerajaan atau Bank Negara Malaysia (BNM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 31 Disember 2016, jumlah aset PIDM berjumlah RM3,141,905.00. Jumlah dana yang terkumpul pada tarikh yang sama ialah sebanyak RM1,655,200.00 bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit dan RM1,472,279.00 bagi Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Maklumat selanjutnya boleh dirujuk melalui Laporan Tahunan 2016 PIDM yang terdapat di laman sesawang www.pidm.gov.my.